

MAHATHIR

DARI ZAINOOR SULAIMAN

1979

JAKARTA, 22 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN KEYAKINAN TENTANG KEMUNGKINAN SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN MENYERTA SEKIM TAMBANG MURAH ANTARA AUSTRALIA DAN CEROPAH.

DALAM SATU SATU PERTEMUAN DENGAN BERNAMA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA AUSTRALIA TELAH MENERIMA HAKIKAT PERLUNYA DIKAJI SEMULA BEBERAPA ASPEK TERTENTU DASAR PENERBANGAN AWAM ANTARABANGSANYA.

+MEREKA JUGA MAHU MENIMBANGKAN KEMUNGKINAN PENYERTAAN NEGARA-NEGARA ASEAN DALAM SEKIM TAMBANG MURAH DAN PERSINGGAHAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS PULANG HARI INI SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PERINGKAT MENTERI ASEAN-AUSTRALIA MENGENAI PENERBANGAN AWAM YANG TAMAT DI SINI KELMARIN. --BERSAMBUNG 1351/MD

EE

1531

MAHATHIR 2 JAKARTA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENSIFATKAN KESEDIAAN AUSTRALIA UNTUK MENIMBANGKAN CADANGAN ASEAN SEBAGAI LANGKAH POSITIF KE ARAH MENCAPAINYA TOLAK ANSUR MENGENAI MASALAH ITU.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA HALANGAN UTAMA SEKARANG TALAH KEBIMBANGAN AUSTRALIA YANG SEKIM TAMBANG MURAH ITU TIDAK AKAN MEMPUNYAI DAYA MAJU JIKA SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN DIBENARKAN MENYERTAINYA.

AUSTRALIA KHUATIR PENUMPANG AKAN PERGI KE TEMPAT LAIN DAN AUSTRALIA TIDAK AKAN DAPAT MENJADIKAN SEKIM ITU MAJU, KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UNTUK MENJADIKAN SEKIM TAMBANG MURAH ITU BERDAYAMAJU, KADAR JUMLAH PENUMPANG TALAH 85 PERATUS. -- BERSAMBUNG 1355/SZ

MAHATHIR 3 JAKARTA

MENGENAI CADANGAN AUSTRALIA UNTUK MENYERAH KEBEBASAN KELIMA DALAM PERUNDINGAN MENGENAI TAMBANG PERSINGGAHAN SESUAI DENGAN SEKIM TAMBANG MURAHNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN MERASA MEREKA PATUT MENGGUNAKAN KEBEBASAN KELIMA MENGAMBIL PENUMPANG KETIKA SINGGAH.

+JIKA AUSTRALIA TIDAK MAHU MENGGUNAKAN HAK ITU, ITU HAL AUSTRALIA TETAPI KAMI MASIH PERCAYA DALAM KEBEBASAN KELIMA ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI SEDANG MENKKAJI BUTIR-BUTIR CADANGAN PENYERTAAN ASEAN DALAM SEKIM ITU.

+PADA AKHIR BULAN INI MEREKA PATUT ADA BUTIR-BUTIR UNTUK MEYAKINKAN AUSTRALIA MEMBENARKAN ASEAN MENYERTAANYA,+ KATANYA.

DITANYA MENGENAI MESYUARAT KELMARIN, BELIAU BERKATA HASILNYA TIDAKLAH SERENDAH YANG DIJANGKA OLEH ASEAN. -- BERSAMBUNG 1435/SZ

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENTERI PENGANGKUTAN AUSTRALIA ENCIK PETER NIXON DAN MENTERI LUAR ENCIK ANDREW PEACOCK DALAM PERTEMUAN DENGANNYA TELAH MENYATAKAN KEINGINAN AUSTRALIA HENDAK MENYELESAIKAN MASALAH PEMULAUAN OLEH PEKERJA-PEKERJA LAPANGAN TERBANG AUSTRALIA UNTUK MEMBOLEHKAN MAS MENYAMBUNG SEMULA PENERBANGANNYA KE AUSTRALIA, MELBOURNE DAN PERTH.

+MEREKA MAHU MENYELESAIKAN MASALAH ITU TETAPI BAGAIMANA MEREKA HENDAK MENYELESAIKAN MASALAH ITU ADALAH SATU PERKARA LAIN, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENYAMPAIKAN UCAPAN TERIMA KASIH DATUK HUSSEIN ONN KEPADA MENTERI-MENTERI ITU KERANA BANTUAN PIHAK BERKUASA AUSTRALIA MEMBEKALKAN MAS DC-10.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH DIHANTAR PULANG OLEH MENTERI LUAR INDONESIA PROF. MOCHTAR KUSUMAATMADJA, DUTA MALAYSIA DI SINI, TAN SRI MAHMOOD YUNUS DAN SETIAUSAHA AGUNG ASEAN DATUK ALI ABDULLAH.

— BERNAMA 1440/SZ
MAHATHIR 5 JAKARTA

DI KUALA LUMPUR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA ASEAN MENGENAI PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN AKAN BERMESYUARAT DI SINGAPURA PADA 2 APRIL UNTUK MERUMUSKAN BUTIR-BUTIR YANG PERLU DALAM USAHA MEYAKINKAN AUSTRALIA MEMBENARKAN NEGARA-NEGARA ASEAN MENYERTAI SEKIM TAMBANG MURAHNYA.

KATANYA, AUSTRALIA TELAH BERSETUJU MEMBENARKAN NEGARA-NEGARA ASEAN MENYERTAINYA JIKA PENYERTAAN DEMIKIAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN SEKIMNYA.

MENTERI-MENTERI ASEAN TELAH MENCADANGKAN TAMBANG TIGA ATAU LIMA PERATUS LEPH MAHAL DARI YANG DICADANGKAN OLEH AUSTRALIA SERANYAK \$568 (M\$1,420).

ASEAN JUGA MENCADANGKAN BAYARAN TOKOK 10 PERATUS KE ATAS PERSINGGAHAN PENERBANGAN AUSTRALIA, KATANYA. — BERSAMBUNG 1708/SZ

££

B579

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT KEJAYAAN SETAKAT INI SEBAGAI SATU KEMAJUAN BESAR.

BELIAU TIDAK BERSETUJU DASAR TAMBANG MURAH AUSTRALIA SEBAGAI MASALAH SINGAPURA SEMATA-MATA.

KATANYA: +WALAU SINGAPURA YANG AKAN TERJEJAS TERUK, KITA JUGA AKAN TERJEJAS KEMUDIAN. +

+KITA TERPAKSA MENUNJUKKAN PERPADUAN KITA SEBAGAI SATU KUMPULAN ASEAN. +

KATANYA PENGANTUNGAN PENERBANGAN KE AUSTRALIA, HANYALAH SEMENTARA +IA TIDAK BERMAKNA MAS TIDAK AKAN TERBANG KE AUSTRALIA LAGI. +

PADA AKHIRNYA KAWARASAN AKAN MUNCUL, KATANYA MENYENTUH MENGENAI KRISIS MAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGAMBIL PERHATIAN KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH SEORANG ANGGOTA PARLIMEN SINGAPURA DAN JUGA SETIAUSAHA AGUNG STUC, ENCIK DEVAN NAIR, MEMBIDAS PERSEKUTUAN PEKERJA-PEKERJA PENGANGKUTAN ANTARABANGSA (ITF).

MENGENAI AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (ICA), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BEBERAPA PINDAN-PINDAAN AKAN DIBUAT. +SAYA INGIN MELINCINKAN PROSESNYA. +

TETAPI IA TIDAK AKAN DIBINCANGKAN DALAM SESSI PARLIMEN SEKARANG KERANA KEKURANGAN MASA. PINDAAN-PINDAAN MUNGKIN TERMASUK PERUNTUKAN SEBUAH LEMBAGA RAYUAN.

MENGENAI PEMBATALAN DELEGASI EKONOMI KE NAHOI, KATANYA IA ADALAH KERANA PERKARA-PERKARA LAIN YANG LEBIH MENDESAK.

— BERNAMA 1712/SS